

LGBT dalam Kalangan Mahasiswa di Institusi Pengajian Tinggi Awam

LGBT among Student in Public Higher Education Institution

Fadzilah Binti Abdullah
¹Noremy Md Akhir

Pusat Kajian Kesejahteraan Manusia Dan Masyarakat
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: A160697@siswa.ukm.edu.my
¹noremy@ukm.edu.my

ABSTRAK

Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender (LGBT) merupakan golongan yang berperilaku songsang dan salah dari segi norma masyarakat mahupun dari sudut agama. Namun begitu, golongan LGBT ini semakin giat dan aktif berkembang dalam masyarakat kita hari ini. Perkara yang lebih merunsingkan adalah apabila golongan ini terdiri daripada mereka yang menuntut di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Oleh itu, objektif kajian ini dijalankan adalah untuk meneroka faktor pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) terlibat dalam LGBT. Kajian yang dijalankan adalah dalam bentuk kualitatif dengan menggunakan reka bentuk fenomenologi. Kaedah temu bual secara mendalam bersama tujuh (7) orang responden yang terdiri daripada mahasiswa IPTA dijalankan dengan menggunakan teknik persempelan snow ball. Data yang diperoleh kemudiannya dianalisis menggunakan tematik analisis. Hasil dapatan kajian mendapati factor penglibatan LGBT adalah disebabkan oleh personaliti semula jadi, pengaruh persekitaran sosial, sokongan sosial berbentuk material, pengalaman mengalami gangguan seksual, kurang kasih sayang dan sokongan dari ahli keluarga, rangsangan seksual, keinginan dan kepuasan seksual, kesunyian, pengaruh rakan sejenis dan orientasi seksual. Kajian ini diharapkan dapat membantu profesion kerja sosial, psikologi mahupun kaunseling dalam memahami golongan LGBT dan membantu mereka dengan merangka intervensi yang terbaik dalam membantu golongan LGBT terus sejahtera dalam kehidupan mereka.

Kata kunci: *LGBT, mahasiswa IPTA, faktor penglibatan, kajian kualitatif, rangsangan seksual*

ABSTRACT

Lesbian, Gay, Bisexual and Transgender (LGBT) are a group that behaves out of the society norms of sexuality and wrong in terms the point of religion. However, these LGBT groups are increasingly active and spreading in our society today. What is more disturbing is when these groups are compromised of those who are studying at Public Higher Education Institutions (IPTAs). Therefore, the objective of this study is to explore the factors of the Public Institution of Higher Learning (IPTA) student's involvement in LGBT. The study was conducted in the form of qualitative by using phenomenological as research design. An in-depth interview method with seven respondents who are an IPTA students was conducted using snow ball technique. The data

were analyzed using thematic analysis. The findings found out the factor that influence respondent involved in LGBT are due to the natural personality, the influence of social environment, social support in the form of material, experiences of sexual harassment, lack of love and support from family members, sexual stimulation, desire and sexual satisfaction, loneliness, influence by peers and sexual orientation. This study is expected to help those from social, psychological and counseling professions in understanding the LGBT groups and assist them by formulating the best intervention in helping LGBTs prosper in their lives.

Keywords: LGBT, IPTA's students, influence factor, qualitative study, sexual harassment

1. Pengenalan

Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender (LGBT) adalah seorang individu yang mengakui dan mengemukakan orientasi seksual mereka dan identiti jantina dalam tatapan baharu atau tidak dikenali (Fairus, 2017). Namun, akhir-akhir ini isu mengenai LGBT semakin hangat diperbincangkan. Hal ini disebabkan oleh, kemunculan usahawan yang terkenal seperti Nur Sajat dan Safiey Illias, di mana mereka sangat ingin menjolkan diri mereka tanpa ada rasa malu malah bangga. Sehingga menyebabkan semakin ramai golongan ini tidak takut untuk menonjol di media sosial. Perkara ini telah menimbulkan kebimbangan dalam kalangan masyarakat kita pada hari ini, dengan pelbagai masalah yang ditimbulkan oleh golongan LGBT.

Menurut Suriati (2011), dalam isu LGBT ini, Malaysia didakwa enggan mengiktirafkan hak “*Sexual Orientation and Gender Identity (SOGI)*” sebagai hak asasi manusia. Mereka yang terlibat dengan LGBT dikatakan telah diberi layanan buruk serta dinafikan pelbagai hak sebagai manusia. Dakwaan ini telah memberi petunjuk yang jelas agar golongan LGBT ini diberikan layanan yang sewajarnya serta diberikan pengiktirafan yang sama seperti manusia biasa.

Setelah isu-isu seperti itu dibangkitkan, pada 2018 Malaysia mengambil langkah yang baru dalam mengendalikan isu-isu LGBT ini. Namun demikian, ianya telah dipandang negatif oleh rakyat Malaysia sendiri. Isu ini telah pun dijawab oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Agama) YB Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa dalam Parlimen yang bersidang pada 24 Julai 2018. Menurut beliau Seksyen 25, 26 dan 28 sebagai contoh Akta Kesalahan Jenayah Syariah Wilayah-wilayah Persekutuan. Ia bermaksud hak komuniti LGBT untuk mengamalkan gaya hidup mereka masih tertakluk dengan undang-undang yang tidak dibenarkan di Malaysia. Pada masa yang sama, hak asasi manusia, kewarganegaraan sentiasa dipelihara berdasarkan acuan adat dan budaya di Malaysia serta kerangka perlembagaan persekutuan yang meletakkan Islam sebagai agama persekutuan. Dengan kata lain, golongan ini tidak boleh ditindas di tempat kerja, tidak boleh dianiayai dan tidak boleh dizalimi.

Tambahan beliau lagi, statistik menunjukkan 80% golongan “mak nyah” terlibat dalam industri seks. Hal ini menunjukkan, sekiranya kita mendiskriminasi mereka (LGBT) maka mereka akan terus berada dalam industri tersebut. Hal ini demikian kerana, semakin masyarakat mendiskriminasi golongan LGBT, mereka tidak akan dapat peluang untuk berubah dan menjadi seperti masyarakat.

Menurut *The Star Online* (September 2018) menyatakan Malaysia adalah salah satu negara daripada 72 negara yang mempunyai jenayah homoseksualiti. Hal ini bermakna Malaysia perlu lebih berwaspada dan mengambil tindakan segera bagi menangani perkara ini. Golongan LGBT kian meningkat dari tahun-tahun, dan banyak menimbulkan masalah kepada negara. Berikut menunjukkan beberapa jenis kesalahan syariah yang dilaporkan dari tahun 2011 hingga 2014;

JADUAL 1. Kesalahan Jenayah Syariah yang dikuatkuasakan di Seluruh Malaysia

Jenis kesalahan	2011	2012	2013	2014
Liwat	0	0	1	2
Musahaqah	6	3	0	4
Orang yang berlagak seperti perempuan	131	199	97	123
Perhubungan jenis di luar tabi'e	0	0	0	0
Jumlah	137	202	98	129

Malah merujuk kepada statistik tangkapan oleh Pegawai Penguatkuasa Agama di seluruh Malaysia, jelas menunjukkan perlakuan dan gaya hidup LGBT ini tetap berkembang dan menjadi semakin kompleks (Muhfudzah, 2015).

2. Sorotan Literatur

Antara faktor yang mempengaruhi LGBT ada disebut dalam kajian *Counseling and Mental Health Care if Transgender Adult and Loved One*. Faktor fenomena ini muncul bukan sahaja kerana pengaruh persekitaran, ianya juga turut dipengaruhi oleh kebudayaan, fizikal, seks, psikososial, pengaruh keagamaan dan kesihatan yang menyumbang kepada pembentukan golongan LGBT. Faktor keturunan juga menjadi penyumbang kepada pembentukan individu LGBT (Khilman, 2016). Walau bagaimanapun, ia tidak bermakna menjadikan seseorang LGBT, akan dipengaruhi oleh faktor-faktor lain seperti biologikal dan pengaruh rakan (Byrd, 2001). Selain itu, keibubapaan juga menjadi faktor yang paling penting dalam membentuk dan mempengaruhi perkembangan kehidupan kanak-kanak (Byrd, 2001). Menurut Kuswana (2014), persekitaran boleh mempengaruhi tingkahlaku dan sebaliknya di mana tingkahlaku boleh dipengaruhi oleh persekitaran.

Faktor seterusnya ialah orientasi seksual. Menurut Siti (2018), orientasi seksual merujuk kepada kecenderungan jenis jantina bagi seseorang individu secara emosi, fizikal, dan seksual. Menurut Carroll (2007), hetroseksual tertarik kepada kumpulan jantina yang berlawanan, homoseksual pula tertarik kepada sesama jantina seperti gay merujuk kepada lelaki dan lesbian merujuk kepada perempuan atau biseksual minat kepada kedua-duanya.

Berdasarkan kajian ini, pengkaji telah menggunakan beberapa teori yang bersesuaian, antaranya, Teori Psikoanalisis, Teori Perkembangan Personaliti, Teori Perkembangan Psikoseksual dan Teori Perkembangan Sosial. Teori psikoanalisis ini juga terkenal dengan struktur personalitinya, iaitu, terma Id, ego, dan superego. Ianya banyak kali digunakan bagi merujuk kepada fungsi personaliti seseorang manusia. Ego pula mempunyai hubungan dengan dunia realiti superego pula bertindak sebagai badan kehakiman di dalam struktur personaliti. Ia termasuklah kod-kod moral seseorang yang dipelajari daripada sosiobudaya, moral mahupun melalui ajaran agama. Seterusnya, teori psikisiosial berkait rapat dalam kajian ini, kerana, golongan LGBT sememangnya menggunakan ketiga-tiga struktur personalitinya, iaitu id, ego dan superego, di mana id mereka mendesak untuk menjadi LGBT dan ego mereka pula akan mengawal minda sedar, menentukan kemahuan mereka dan bertindak bagi memuaskan kehendak mereka. Manakala superego akan membazirkan perbuatan golongan LGBT ini walaupun perkara itu salah dari segi norma dan budaya masyarakat.

Corey (2005) dalam kajiannya menyatakan bahawa tahap-tahap perkembangan psikososial dan psikoseksual sejak dari lahir hingga dewasa boleh memberi kesan yang

signifikan kepada model psikoanalitik yang diasaskan oleh Freud. Corey (2005) telah menemui tiga jenis isu yang selalu dibawa oleh klien ke dalam sesi kaunseling iaitu, kurangnya kebolehan untuk mempercayai diri sendiri dan orang lain, takut untuk menyayangi orang lain dan membuat hubungan dengan orang lain serta mengalami penghargaan sendiri yang rendah. Selain itu, kurangnya kebolehan untuk mengenalpasti dan mengekspresikan kemarahan, menafikan kuasa sebagai manusia dan kurangnya sifat autonomi dalam diri. Malah, individu kurangnya kebolehan untuk menerima seksualiti dan tarikan seksual yang ada pada diri dan kesukaran untuk menerima diri sendiri sebagai seorang lelaki atau perempuan. Freud (1949) menyatakan bahawa tiga perkembangan sosial ini iaitu cinta dan kepercayaan, menghadapi perasaan negatif dan membina penerimaan positif dari segi seksualiti adalah berdasarkan kepada perkembangan personaliti dan psikoseksual semasa enam tahun pertama di dalam hidup seseorang. Oleh yang demikian, pengalaman dan perkembangan aktiviti psikososial yang dialami oleh seseorang memberikan suatu impak kepada tingkah laku dan tarikan seksualiti kepada seseorang individu itu dan perkara inilah yang membawa pembentukan tarikan heteroseksual dan homoseksual, seperti mana yang berlaku kepada golongan LGBT.

3. Metodologi

Kajian yang dijalankan ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan rekabentuk kajian fenomenologi. Dalam konteks kajian ini, sekumpulan individu yang berhadapan dengan pengalaman serupa iaitu mereka yang bertingkahtaku homoseksual iaitu LGBT. Kajian ini dijalankan terhadap mahasiswa yang menuntut di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Pengkaji menjalankan kajian dengan menggunakan kaedah pengumpulan data secara temubual mendalam dengan menggunakan panduan soalan semi-struktur. Bagi menjalankan kajian ini, pengkaji telah memuatnaik aplikasi “Grindr” sebagai platform mencari responden. Oleh itu, persampelan kajian yang dipilih dalam kajian ini ialah persampelan bola salji atau dipanggil sebagai *snowball sampling*. Kajian dijalankan kepada lima (5) orang responden yang terlibat dengan LGBT. Data yang diperoleh daripada temubual yang dijalankan telah dianalisis menggunakan tematik analisis.

4. Dapatan dan Perbincangan

JADUAL 2. Demografi Responden

Responden	Umur	Jantina	Peringkat pengajian	Asal	Tempoh Penglibatan (tahun)
R1	23	Lelaki	Ijazah	Pahang (luar bandar)	9
R2	25	Lelaki	Sarjana	Perak (luar bandar)	5
R3	22	Lelaki	Ijazah	Kelantan (luar bandar)	2
R4	21	Lelaki	Ijazah	Sarawak(luar bandar)	9
R5	26	Lelaki	Ijazah	Kuala Lumpur (bandar)	13

Jadual 2 di atas menunjukkan demografi bagi lima orang responden. Responden berumur daripada 21 hingga 26 tahun, kesemua responden adalah terdiri daripada lelaki. Tahap pengajian pula seramai empat orang responden di peringkat ijazah dan seorang di peringkat sarjana. Empat

orang responden berasal daripada kawasan luar bandar dan seorang daripada mereka berasal daripada bandar. Kesemua responden berasal dari negeri yang berbeza, masing-masing Pahang, Perak, Kelantan, Sarawak dan Kuala Lumpur. Akhir sekali, usia penglibatan mereka dalam LGBT adalah antara dua hingga tiga belas tahun.

Hasil kajian yang dijalankan mendapati terdapat 10 faktor yang mempengaruhi responden terlibat dalam LGBT iaitu personaliti semulajadi, hubungan persekitaran sosial, sokongan sosial (material), pengalaman mengalami gangguan seksual, kurang kasih sayang dan sokongan dari ahli keluarga, rangsangan seksual, keinginan seksual, kesunyian, pengaruh rakan sejenis dan orientasi seksual. Ia akan dibincangkan seperti berikut.

4.1 Personaliti Semulajadi

Hasil kajian mendapati personaliti semulajadi adalah faktor yang mempengaruhi kepada penglibatan LGBT. Pengkaji mendapati majoriti responden menyatakan faktor yang menyebabkan mereka terlibat dengan LGBT adalah disebabkan oleh personaliti semulajadi. Menurut pengkaji lagi, personaliti berkait rapat dengan perlakuan tingkahlaku seseorang, di mana ianya akan menentukan siapa diri kita dan cara kita bergaul dengan orang sekeliling. Menurut responden kedua (R2), dia memiliki personaliti lembut sejak dari kecil walaupun ketika itu responden masih belum mengetahui dirinya adalah LGBT. Berikut merupakan petikan responden berhubung perkara tersebut.

“Memang lembut sejak kecil tapi belum minat dengan golongan sejenis.”

(Responden 2)

Selain daripada itu, responden keempat (R4) turut mengakui bahawa responden lembut sejak kecil lagi. Berikut adalah petikan temu bual bersama responden.

“Saya sejak kecil dah lembut”

(Responden 4)

Begitu juga dengan responden kelima (R5) yang menyatakan sejak kecil responden lembut dan minat terhadap lelaki, seperti mana yang dinyatakan dalam petikan temu bual berikut.

“Masa saya kecil saya lembut dan suka tengok lelaki.”

(Responden 5)

Oleh yang demikian, personaliti semulajadi merupakan faktor yang mempengaruhi responden terlibat dengan LGBT. Dapatan kajian ini selari dengan Teori Personaliti, di mana teori ini akan menentukan ciri-ciri tingkahlaku individu dan penyesuaiannya dengan persekitaran. Selain itu, ia juga mengatakan bahawa personaliti adalah susunan pola tingkah laku manusia yang disesuaikan dalam situasi kehidupan mereka. Menurut Huffman (2004), personaliti adalah corak pemikiran, perasaan dan tindakan seseorang yang unik dan relatif. Keperibadian menggambarkan seseorang itu berbeza daripada orang lain dan corak tingkah laku yang menjadi kebiasaan individu tersebut.

4.2 Pengaruh Persekitaran Sosial

Selain itu, hasil kajian juga mendapati hubungan persekitaran sosial juga sebagai faktor yang mempengaruhi kepada penglibatan LGBT. Pengkaji mendapati majoriti responden menyatakan faktor yang menyebabkan mereka terlibat dengan LGBT adalah hubungan persekitaran sosial, di mana responden sangat selesa bergaul dengan perempuan, tidak kira, dalam kalangan keluarga, rakan-rakan mahupun menggunakan aksesori yang sinonim dengan perempuan. Hal ini menyebabkan pemikiran mereka turut menganggap diri sebagai perempuan. Menurut responden kedua (R2), sewaktu zaman kanak-kanak, dia sangat gemar dengan peralatan dan permainan

perempuan seperti, solekan dan anak patung. Berikut adalah petikan responden berhubung perkara tersebut.

“Mungkin semasa kecil saya suka main permainan perempuan dan suka “make up”, pakai pakaian perempuan, dan saya banyak luangkan masa dengan kakak saya.”

(Responden 2)

Seterusnya, responden keempat (R4) juga mengatakan dia rapat dengan adik beradik perempuan dan bermain permainan perempuan sehingga dia merasakan dia juga adalah perempuan. Berikut adalah petikan temu bual bersama responden.

“Saya lebih rapat dengan adik beradik perempuan. Mereka banyak layan saya masa saya budak-budak dulu. Contoh: saya akan duduk dengan mereka, main masak-masak, solekan, dan selalu bersama sehingga saya selesa dengan mereka dan merasakan saya pun perempuan.”

(Responden 4)

Manakala responden kelima (R5) menyatakan bahawa responden sangat manja dan dipakaikan dengan pakaian dan aksesori perempuan dan menyimpan rambut seperti perempuan seperti mana yang dinyatakan dalam petikan temu bual berikut.

“I pun manja dengan mak ayah I, maybe sebab I dapat adik lewat. Masa tingkatan satu I baru dapat adik. Bila keluar rupanya laki. Masa I kecil mak memang pakaikan pakaian perempuan, seperti, pakai rantai emas, simpan rambut panjang.”

(Responden 5)

Dapatan kajian mendapati kajian ini selari dengan Kuswana (2014) di mana persekitaran mempengaruhi tingkah laku dan seseorang individu.

4.3 Sokongan Sosial (Material)

Selain itu, hasil kajian mendapati sokongan sosial dari segi material telah menyebabkan responden lebih teruja dan kekal menjadi LGBT. Hal ini mendapati, seorang daripada responden mengatakan sokongan sosial ini menjadi faktor kepada keterlibatan dengan LGBT. Menurut responden kelima (R5), dia mendapat sokongan daripada beberapa orang yang berjawatan dan warga asing yang kaya. Sokongan tersebut berbentuk wang dan kehidupan yang mewah. Berikut merupakan petikan responden berkaitan perkara tersebut.

“Saya jadi transgender saya tak perlu susah-susah, sebab sepanjang duduk dekat universiti ni ada banyak Dato’ yang jaga saya, yang akan memberi duit saya, tapi sekarang banyak foreingner yang support saya, sebab tu saya pakai barang yang mewah-mewah, saya suka shopping dekat pavilion. Mungkin sebab ni juga yang menyebabkan saya lebih senang jadi transgender”

(Responden 5)

Oleh yang demikian, sokongan sosial (material) merupakan faktor yang mempengaruhi responden terlibat dengan LGBT. Dapatan kajian ini selari dengan teori psikoanalisis oleh Sigmund Freud. Hal ini kerana, struktur personaliti iaitu, Id, Ego dan Superego, di mana Id mendesak mereka untuk mendapatkan kemewahan, manakala Ego mereka akan mengawal minda bawah sedar dan Superego akan membenarkan mereka melakukan perkara tersebut bagi memuaskan kehendak Id.

4.4 Pengalaman mengalami Gangguan Seksual

Hasil kajian turut mendapati pengalaman mengalami gangguan seksual juga menjadi faktor yang mempengaruhi kepada penglibatan LGBT. Pengkaji mendapati seorang responden menyatakan faktor yang menyebabkan mereka terlibat dengan LGBT adalah disebabkan oleh pengalaman mengalami gangguan seksual pada zaman persekolahan. Menurut responden pertama (R1), dia takut untuk mengadu sehingga menerima perlakuan tersebut sebagai sebahagian daripada kehidupannya. Berikut merupakan petikan responden berhubung perkara tersebut.

“Orang melakukan I secara serius adalah sewaktu I Tingkatan Satu, I terkejut sangat bila ada senior Tingkatan Tiga datang kissing, masa tu tgh malam. I rasa nak menjerit, tp I takut I shock. I tolak, dia paksa I, dia ambik tangan I letak dekat dia punya. Dia paksa I buka mulut, dia gigit telinga, buat love bite dekat my body dan dia buat oral sex, onani.”

(Responden 1)

Berdasarkan petikan di atas, dapatan kajian mendapati kajian ini selari dengan Teori Perkembangan Sosial oleh Erik Erikson yang mengatakan terdapat lapan tahap perkembangan sosial individu dapat dikaitkan. Bagi kajian ini tahap 5 iaitu, identiti lawan kecelaruan identiti, di mana mereka telah memasuki alam remaja dan mereka ingin mengetahui siapa diri mereka, kajian ini menunjukkan responden pada zaman remajanya mengalami kecelaruan identiti disebabkan oleh pengalaman gangguan seksual yang dialaminya.

4.5 Kurang Kasih Sayang dan Sokongan daripada Ahli Keluarga

Seterusnya, hasil kajian mendapati kurang kasih sayang dan sokongan daripada ahli keluarga turut menjadi faktor yang mempengaruhi kepada penglibatan LGBT. Pengkaji mendapati seorang responden telah menyatakan faktor yang menyebabkan dia terlibat dengan LGBT adalah disebabkan oleh kurang kasih sayang dan sokongan daripada ahli keluarga. Menurut responden pertama (R1), ibu dan abangnya tahu mengenai gangguan seksual yang menimpa dirinya, namun ibu dan abangnya tidak mengendahkan tentang perkara tersebut. Berikut ialah petikan responden berhubung perkara tersebut.

“I rasa mak I perasan benda tu tapi dia buat tak tahu.”

(Responden 1)

“Sebab parent I garang dan tak open minded sebab dirang jenis yang kuat agama. Abang I pula ada je masa tu dekat sekolah, mungkin dia tahu mungkin juga tak. Dia pernah bagitahu I jangan kuat menjerit nanti orang lagi suka ganggu i. tu la yang dia nasihat.”

(Responden 1)

Oleh yang demikian, dapatan kajian mendapati kajian ini selari dengan Byrd (2001) di mana Byrd mengatakan keibubapaan juga menjadi faktor yang paling penting dalam membentuk dan mewarnakan corak kehidupan kanak-kanak. Hal ini kerana, ibu bapa adalah orang yang harus memberi sokongan dan dorongan kepada anak-anak.

4.6 Rangsangan Seksual

Selain itu, pengkaji mendapati minoriti responden menyatakan faktor yang menyebabkan mereka terlibat dengan LGBT adalah disebabkan oleh rangsangan seksual. Hal ini kerana, seksualiti

mereka akan terangsang apabila responden bersama-sama dengan golongan sejenis. Menurut responden pertama (R1), dia berasa malu kerana telah mendedahkan kemaluan, namun demikian dia tetap inginkan seks daripada golongan sejenis. Berikut merupakan petikan responden berhubung perkara tersebut.

“Sometimes I rasa ketagih, tapi kadang2 I rasa malu, sebab kita dah dedahkan kemaluankannya.”

(Responden 1)

Selain daripada itu, responden kedua (R2) turut mengakui bahawa nalurinya sangat kuat kepada lelaki, dan dia tiada keinginn untuk bersama perempuan. Berikut adalah petikan temu bual responden.

“Saya suka dekat lelaki sebab naluri sangat kuat untuk saya menyukai lelaki. Kalau dengan perempuan saya tidak rasa seperti saya rasa apabila dengan lelaki.”

(Responden 2)

Oleh yang demikian, faktor rangsangan seksual ini selari dengan Teori Perkembangan Sosial. Menurut Freud, tiga bidang personal dan perkembangan sosial ini iaitu cinta dan kepercayaan, menghadapi perasaan negatif dan membina penerimaan positif dari segi seksualliti adalah berdasarkan kepada perkembangan personaliti dan psikoseksual ketika berada enam tahun pertama. Namun, pengalaman dan perkembangan aktiviti psikososial yang dialami oleh seseorang memberikan suatu impak kepada tingkah laku dan tarikan seksualiti kepada seseorang individu itu dan perkara inilah yang membawa pembentukan tarikan heteroseksual dan homoseksual, di samping merangsang seksual mereka.

4.7 Keinginan dan Kepuasan Seksual

Hasil kajian turut mendapati keinginan dan kepuasan seksual merupakan faktor yang mempengaruhi kepada keterlibatan LGBT. Pengkaji mendapati minoriti responden menyatakan faktor ini yang menjadi punca kepada penglibatan LGBT. Hal ini kerana, keinginan terhadap seksual mereka terlampau tinggi dan mereka menginginkan kepuasan dalam menjalinkan hubungan. Menurut responden ketiga (R3), pada mulanya dia hanya bergurau dengan kawan-kawan sehingga tanpa sengaja wujud keinginan seksual terhadap rakannya. Berikut merupakan petikan responden berhubung perkara tersebut.

“Mula-mula saya hanya bergurau dengan rakan-rakan, lepastu main cuit-cuit barang rasa teringin dan macam seronok pula.”

(Responden 3)

Namun, bagi responden kedua (R2) pula mengatakan dia telah pun menganggap pasangannya itu seperti suami dan isteri bagi memenuhi keinginan dan kepuasan seksualnya. Berikut adalah petikan temu bual berhubung perkara tersebut.

“Saya mempunyai seorang pasangan yang dianggap lebih daripada seorang kawan, saya dan dia seperti sebuah pasangan suami isteri dan tinggal bersama.”

(Responden 2)

Oleh yang demikian, dapatan kajian ini didapati selari dengan Teori Psikoanalisis. Hal ini kerana teori ini terkenal dengan Id, Ego dan Superego yang mengawal setiap kehendak manusia. Oleh itu, ia berkait rapat dengan faktor keinginan dan kepuasan seksual. Selain itu, dapatan kajian juga mendapati kajian ini selari dengan kajian Siti (2018) yang mengatakan orientasi seksual

seseorang adalah berlainan dan setiap individu mempunyai keinginan dan tarikan heteroseksual mahupun homoseksual. Dapatan kajian menunjukkan golongan LGBT mempunyai keinginan dan kepuasan melalui homoseksual.

4.8 Kesunyian

Hasil dapatan kajian juga mendapati, kesunyian sebagai faktor yang menyumbang kepada berlakunya LGBT. Pengkaji telah mendapati seorang daripada responden menyatakan faktor kesunyian ini menjadi faktor kepada keterlibatan dengan LGBT. Kesunyian ini boleh disebabkan oleh beberapa sebab, iaitu, tiada kawan-kawan, tiada teman wanita dan tinggal bersendirian. Menurut responden ketiga (R3), dia tidak mempunyai teman wanita mungkin kerana tiada perempuan yang suka kepadanya. Oleh itu, dia memuat naik aplikasi “Gay” untuk mendapat pasangan. Berikut adalah petikan daripada temu bual responden.

“Mungkin sebab tak ada perempuan yang nak jadi teman wanita saya, saya cuba dekat lelaki tak sangka senang dapat. Lagipun dekat sini ramai tak macam dekat kampung susah nak cari susah nak jumpa, kat sini pakai je aplikasi terus dapat.”

(Responden 3)

Oleh yang demikian, dapatan kajian mendapati faktor kesunyian ini juga selari dengan teori psikoanalisis. Hal ini kerana, apabila Id golongan LGBT ini kesunyian, ia akan mendesak ego melakukan sesuatu yang seronok dan dapat menghilangkan kesunyian, maka ego akan merangsang minda bawah sedar untuk cuba perkara yang baru maka superego akan melakukannya.

4.9 Pengaruh Rakan Sejenis

Hasil kajian turut mendapati pengaruh rakan sejenis juga menjadi faktor kepada penglibatan LGBT. Pengaruh rakan sejenis ini adalah pengaruh yang diperoleh dari rakan-rakan yang mempunyai personaliti dan masalah yang sama, mereka berkawan dengan setiap lapisan umur yang mempunyai personaliti yang sama dengan mereka. Hasil kajian mendapati majoriti responden mengatakan pengaruh rakan sejenis adalah faktor yang menjadikan mereka terlibat dengan LGBT. Menurut responden kedua (R2), dia mempunyai ramai rakan-rakan sejenisnya di tempat pengajian berbanding di kampung. Rakan-rakan sejenis banyak diperolehi melalui aplikasi “Grindr”. Berikut merupakan petikan responden berhubung perkara tersebut.

“Lagipun dekat sini ramai tak macam dekat kampung susah nak cari susah nak jumpa, kat sini pakai je aplikasi terus dapat.”

(Responden 2)

Selain daripada itu, responden keempat (R4) turut megatakan ramai rakan sejenis di Kuala Lumpur dan mereka saling memahami. Berikut adalah kenyataan responden.

“Tapi bila datang belajar kat Kuala Lumpur ni ramai pula orang-orang seperti saya, dan saya rasa seperti mereka sahaja yang memahami saya.”

(Responden 4)

Oleh yang demikian, pengaruh rakan sejenis adalah faktor keterlibatan responden dengan LGBT. Pengkaji mendapati hasil kajian ini selari dengan kajian Byrd (2001) yang mengatakan LGBT tidak terjadi dengan semula jadi, sebaliknya dipengaruhi oleh faktor lain seperti pengaruh rakan. Hal ini kerana, rakan yang akan menjadi pendorong rakan terhadap perkara yang dilakukan. Menurut Azizi dan Muhamad (2018) rakan sebaya terdiri daripada pelajar-pelajar atau individu

yang mempunyai umur yang hampir sama di antara mereka. Menurutnya lagi, remaja cenderung menuruti tingkah laku kumpulan yang mana ia berada di dalamnya. Remaja ini juga akan melakukan atau membuat apa yang dilakukan atau dibuat oleh kumpulanya

4.10 Orientasi Seksual

Akhir sekali, faktor orientasi seksual turut mempengaruhi kepada penglibatan LGBT. Pengkaji mendapati minoriti responden menyatakan faktor orientasi seksual ini telah menyebabkan responden terlibat dengan LGBT. Menurut pengkaji, orientasi seksual yang songsang menyebabkan mereka terlibat dengan LGBT. Di samping itu, orientasi seksual ini akan berubah disebabkan oleh pelbagai faktor. Menurut responden 4 dan 5, mereka menggunakan hormon, sebagai alternatif untuk menjadi wanita seperti bentuk badan berubah dan mempunyai buah dada yang menonjol dan naluri seperti perempuan. Berikut adalah petikan responden berhubung perkata tersebut.

“Saya mengambil pil hormone sejak darjah enam, untuk kuatkan perasaan perempuan dan body jadi macam perempuan.”

(Responden 4)

“Saya dah mula ambik hormone sejak I form one. Untuk I naik buah dada dan body jadi jadi macam perempuan, lenggok-lenggok jadi macam perempuan. Pembedahan I tak buat sebab I fikir masa depan”

(Responden 5)

Oleh hal yang demikian, pengkaji mendapati kajian ini selari dengan Siti (2018) yang mengatakan orientasi seksual merujuk kepada jenis jantina bagi seseorang individu itu tertarik kepada seseorang secara emosi, fizikal dan seksual. Menurutnya lagi, heteroseksual adalah tertarik kepada kumpulan jantina yang berlawanan, homoseksual pula tertarik kepada sesama jantina seperti gay merujuk kepada lelaki dan lesbian merujuk kepada perempuan atau biseksual minat kepada kedua-duanya.

5. Rumusan dan Cadangan

Berdasarkan hasil kajian, pengkaji mendapati antara faktor utama yang dihadapi oleh responden adalah berkaitan dengan hubungan persekitaran sosial. Selain itu, pengkaji mendapati faktor responden terlibat dengan LGBT adalah personaliti semulajadi. Hal ini kerana, persekitaran memainkan peranan yang penting dalam menentukan personaliti responden. Walaupun personaliti itu berlaku secara semula jadi, namun ianya disebabkan oleh pengaruh persekitaran. Selain itu, pengkaji juga mendapati, pengaruh rakan sejenis turut menjadi faktor yang paling utama dalam penglibatan LGBT ini. Selain itu, terdapat juga sebilangan minoriti responden telah menyatakan faktor berlakunya tingkah laku LGBT adalah disebabkan oleh keinginan seksual yang kuat dan orientasi seksual. Hal ini kerana, keinginan seksual yang kuat dapat menyebabkan seseorang individu sanggup melakukan apa sahaja demi memenuhi kehendak seksual mereka. Orientasi seksual pula, menentukan keinginan seseorang itu, sama ada mereka cenderung menginginkan gender sejenis, gender yang berlainan atau kedua-duanya. Selain itu, terdapat juga beberapa faktor yang didapati daripada seorang responden, iaitu sokongan sosial (material), pengalaman mengalami gangguan seksual, kurang kasih sayang dan sokongan daripada ahli keluarga, rangsangan seksual dan kesunyian. Walaubagaimanapun, faktor-faktor ini perlu

dititikberatkan kerana ianya adalah penyumbang kepada faktor yang boleh mendorong seseorang menjadi LGBT.

Berdasarkan hasil kajian ini, pengkaji menyarankan agar kajian dilakukan secara menyeluruh tentang golongan LGBT di Malaysia. Hal ini kerana, dengan adanya faktor-faktor ini, kerajaan, masyarakat keluarga mahupun ibu bapa dan ahli keluarga lain dapat mengambil langkah yang efektif di samping dapat mencegah dan mengawal peningkatan golongan LGBT. Selain itu, hasil kajian ini dapat memberi impak yang positif antaranya, dapat mengetahui langkah-langkah intervensi yang berkesan. Seterusnya, dapat membantu golongan ini menjadi lebih baik dan diberi peluang untuk berubah, dapat melahirkan keluarga yang sejahtera dan mengekalkan sistem keluarga di mana ada suami dan isteri. Malah dapat hidup bahagia dan harmoni dalam negara yang aman dan bebas daripada diskriminasi dan masyarakat akan menjadi lebih positif dan mempunyai sifat kemanusiaan yang tinggi. Akhir sekali dapat melahirkan ramai modal insan yang boleh membantu dalam menaikkan nama negara di peringkat global. Oleh itu, dengan mengetahui faktor-faktor ini juga kita dapat mencari cara yang berkesan untuk menyantuni golongan LGBT kearah kehidupan sejahtera.

Rujukan

- Azizi, Y. & Muhamad Jumat, A. (2018). Pengaruh negatif rakan sebaya. *Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia*, 1-4.
- Byrd, A. D. & Stony, O. (2001). Homosexuality: Innate and Immutable. *HeinOnline*.14 *Regent U. L. Rev.* 383-422.
- Khilman, R. A. (2016). *Jurnal Psikologi Pendidikan dan Kaunseling*, Vol.1 Bilangan 1 Jun 2015. ISSN 2443-2202.
- Matt, L. H. (2004). Gender Inequality Across Local Wage Hierarchies. *Work and Occupations*, 31, 323-344. DOI: 10.1177/0730888404266384
- Siti, H. J. (2018). Memahami Konsep Gay, Lesbian, Biseksual dan transgender (LGBT) Dari Konteks Sosial.
- Suriati, G., Jabil, M., & Azilah, M. N. (2011). Infrastruktur komuniti dan hubungannya dengan Golongan Transeksual di Institusi Pengajian Tinggi Awan Malaysia, 9 (2).
- Wowo Sunaryo, K. (2014). *Biopsikologi. Pembelajaran perilaku*. Alfabeta.